

02 JUL 1996

PERHIMPUNAN HOKKIEN SEDUNIA DI LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Perhimpunan Hokkien Sedunia kedua akan berlangsung di Langkawi dari 15 hingga 17 Ogos ini.

Perhimpunan yang akan mengumpulkan 2,000 tokoh perniagaan dan ahli politik berketurunan Hokkien dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, kata Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perhimpunan, Tan Sri Lim Geok Chan dalam satu kenyataan hari ini.

Antara mereka yang akan hadir pada perhimpunan itu ialah ahli perniagaan Indonesia Liew Siow Liong dan usahawan Singapura Ooi Joo Yaw manakala tokoh-tokoh tempatan yang dijangka hadir termasuk Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Lim berkata perhimpunan bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Hokkien seluruh dunia bertemu dan bertukar fikiran selain meningkatkan hubungan perniagaan. -- BERNAMA

HJ MAI